



PEN.KPT/11/02/23

Khamis, 23 Februari 2023

Kapit terima baik inisiatif Menu Rahmah

KAPIT, 23 Feb - Masyarakat di Daerah Kapit terima baik inisiatif Menu Rahmah yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) baru-baru ini.

Sehingga kini, sebanyak empat buah pengusaha kedai makanan telah menyahut seruan kerajaan tersebut seperti Nana Bakery & Cafe, Restoren Rahmat 2, Sister Kopitiam dan Selera Kampung Kak Eda.

Menurut pemilik Nana Bakery & Cafe Naroden Ahmad, 63, kedainya menyediakan dua pilihan menu Rahmah iaitu ayam atau ikan dan sejenis sayur berharga RM5 dan mula dihidangkan dari jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang.

Sementara itu, Bisnawati Kahar, 34, pemilik Restoran Rahmat 2 bersetuju bahawa Program Menu Rahmah ini dapat membantu golongan yang memerlukan dan premisnya menyediakan dua jenis Menu Rahmah iaitu ayam dan ikan serta sayur dengan cara masakan yang sentiasa berubah setiap hari sebagai memenuhi citarasa pengunjung.

Justeru, Bisnawati mengajak peniaga lain untuk turut sama menyokong program ini dengan berniaga sambil beramal sepertimana yang disarankan oleh pihak KPDN agar lebih ramai pengusaha kedai makanan menyertai inisiatif Menu Rahmah bagi membantu rakyat yang memerlukan untuk menikmati hidangan yang lengkap pada harga mampu milik.

Pengusaha makanan yang berminat untuk mengikuti Program Menu Rahmah ini boleh mendapatkan maklumat lengkap daripada Pejabat KPDN Kapit. **-TAMAT-**

Disediakan oleh : Evelyn Edward (JaPen Kapit)

Foto : Wennie Mathew (JaPen Kapit)

Gambar PENERANGAN menunjukkan:

Foto 1 – Hadapan Kedai Nana Bakery & Cafe

Foto 2 – Naroden Ahmad bersama pelanggan yang memesan hidangan Menu Rahmah di kedai milik beliau.

Foto 3 – Naroden Ahmad menunjukkan bahawa menu Rahmah ada di kedai beliau.

Foto 4 – Hadapan Kedai Rahmat 2.

Foto 5 & 6 – Pemilik Restoren Rahmat 2 Bisnawati Kahar menunjukkan contoh hidangan menu Rahmah di kedai beliau.

Foto 7 & 8- Antara pelanggan yang memesan hidangan Menu Rahmah di Restoren Rahmat 2.

KAPIT

Disediakan pada 2.30 petang